

# Majoriti wanita kuasai sektor awam

**K**UALA LUMPUR: Lebih ramai wanita bakal menduduki pelbagai jawatan dalam sektor perkhidmatan awam tahun ini berikutan 80 peratus permohonan tahun lalu yang disenarai pendek Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) membabitkan golongan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Suliman, berkata lebih ramai calon wanita mempunyai kelayakan lebih baik berbanding pemohon lelaki di samping mereka memohon jawatan menerusi SPA.

Katanya, wanita mendominasi calon yang disenarai pendek bagi jawatan dalam perkhidmatan awam kini semakin ketara dan tidak dapat dielakkan, malah ia berlaku hampir setiap tahun.

"Kebanyakan calon lelaki kurang menyerlah dari segi kelayakan berbanding wanita, di samping mereka melakukan kesilapan apabila memohon jawatan tidak setaraf dengan kelayakan atau tidak memenuhi kriteria khusus jawatan yang dimohon.

"Contohnya, pengambilan kakitangan baru untuk jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) daripada 100 calon yang disenarai pendek, 80 adalah wanita dan bakinya lelaki," katanya selepas menerima memorandum Persatuan Pembangunan India Malaysia (Minda), di Bangunan Parlimen semalam.

Bagaimanapun, Abdul Rahman yang juga Presiden Kelab Senator Malaysia berkata, SPA mempunyai kriteria khusus untuk mengimbangi senario itu tanpa perlu menafikan kebolehan kaum wanita yang semakin meningkat.

"Bagi sesetengah jawatan, keperluannya lebih menuntut kepada kehadiran calon lelaki berbanding wanita. Contohnya, pasukan polis sudah tentu memerlukan lebih ramai lelaki berbanding wanita," katanya.